

17 JUN 2003

Abdullah-Puisi (UPDATE 1)

ABDULLAH DEKLAMASI PUISI CERMIN PEGANGAN HIDUPNYA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Seperti Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga mempunyai bakat terpendam sebagai seorang penyair.

Jika Dr Mahathir mendeklamasikan sajaknya yang berjudul "Melayu Mudah Lupa" semasa perhimpunan agung Umno ke-55 pada tahun 2001, Abdullah pula mengakhiri ucapan perasmian beliau pada persidangan serentak pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno di Dewan Merdeka di sini malam ini dengan sebuah puisi yang menurutnya mencerminkan pegangan hidup beliau.

Timbalan Presiden Umno itu berkata puisi berjudul "Aku Cari Damai Abadi" itu telah dibacakannya buat pertama kali pada Malam Puisi anjuran Utusan Melayu di Dewan DBKL pada 9 Mei lalu.

Mengenang kembali detik-detik beliau mendapat ilham untuk menulis puisi tersebut, Abdullah berkata sebagai tetamu khas pada majlis tersebut beliau telah diminta memilih mana-mana puisi nukilan sasterawan yang terkenal untuk dideklamasikan.

"Ketika itu saya telah diilhamkan untuk melakar beberapa baris ayat, jika pun dapat dikatakan puisi.

"Baris-baris ayat itu, bagi saya, lebih tepat menggambarkan jiwa dan pegangan saya," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau memilih untuk membacakan puisi tersebut sekali lagi dengan harapan pegangan hidupnya dalam mencari "damai abadi" ini dapat dikongsi bersama dengan para perwakilan, dan dijadikan pegangan jika baik.

Berikut ialah puisi "AKU Mencari Damai Abadi"

Aku cari bukan harta bertimbun-timbun

Untuk hidup kaya

Aku cari bukan wang berjuta-juta

Untuk hidup bergaya

Aku cari bukan kawan-kawan

Untuk hidup sekadar berfoya-foya

Aku cari mana dia Al-Ghazali

Aku cari mana dia Al-Shafie

Kita bongkar rahsia kitab suci

Cari pedoman

Kita bongkar rahsia sunnah Nabi

Cari panduan

Aku hidup kerana dia Rabbi

Dialah teman

Dialah Wali

Dia mencukupi

Aku hidup bererti

Menikmati damai abadi

Dalam ucapan beliau hampir sejam itu, Abdullah juga memberi penghormatan kepada sebilangan besar ahli-ahli Umno yang tidak "bernama" tetapi memiliki semangat juang dan kesetiaan kepada parti.

Katanya, ahli-ahli berkenaan tidak berjawatan, tidak berkedudukan, sekali pun tidak pernah menjejakkan kaki ke dewan tersebut dan apatah lagi dapat bersua muka dengan Perdana Menteri.

Walau pun demikian, menurutnya, mereka mempunyai semangat kesetiaan dan perjuangan yang tulen, bersih dan hening hati nalurnya.

Katanya beliau berpegang bahawa niat suci, usaha murni dan keikhlasan golongan tersebut telah memudahkan para malaikat mengangkat doa mereka ke pintu langit yang terbuka lalu mENDapat makbul Allah SWT, lantas negara ini dilimpahi berkat, Umno masih selamat dan seluruh rakyat mENDapat rahmat.

-- BERNAMA

JH JH MOZ